

POCA



DIPERLUKAN SEGERA UNTUK MENCEGAH JENAYAH

Rencana ini membincangkan tentang cabaran yang dihadapi oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) apabila Seksyen 4 dan Seksyen 15B Akta Pencegahan Jenayah 1959 (POCA) ditafsirkan sebagai bercanggah dengan Perkara 121 dan Perkara 4(1) Perlembagaan Persekutuan (PP), serta ancaman sindiket judi haram terhadap ketenteraman awam.

Seksyen 4 menyentuh kuasa untuk menahan sesiapa yang disyaki terlibat dengan jenayah di bawah POCA, manakala Seksyen 15B pula melibatkan penyingkiran semakan kehakiman terhadap kuasa budi bicara Lembaga POCA.

PP memperuntukkan jaminan hak kebebasan asasi di bawah Bahagian II, iaitu Perkara 5 hinggalah Perkara 13. Pada masa yang sama, terdapat pengecualian khas bagi pemakaian Perkara 5, Perkara 9, Perkara 10 dan Perkara 13 yang menyentuh kebebasan diri; larangan buang negeri dan kebebasan bergerak; kebebasan bercakap; berhimpun dan berserikat; dan hak terhadap harta. Pengecualian khas tersebut terletak dalam Bahagian XI yang bertajuk *Kuasa Khas Menentang Perbuatan Subversif, Keganasan Terancang dan Perbuatan dan Jenayah yang Memudaratkan Orang Awam dan Kuasa Darurat di bawah Perkara 149*.

Demi melindungi hak kebebasan asasi tahanan pencegahan, PP memperuntukkan Perkara 151, seperti yang berikut:

151. (1) *Jika mana-mana undang-undang atau ordinan yang dibuat atau dimasyhurkan menurut Bahagian ini membuat peruntukan bagi tahanan pencegahan –*

(a) *pihak berkuasa yang atas perintahnya mana-mana orang ditahan di bawah undang-undang atau ordinan itu hendaklah, dengan seberapa segera yang boleh, memberitahu orang itu alasan dia ditahan dan, tertakluk*

kepada Fasal (3), pernyataan fakta yang berasaskannya perintah itu dibuat, dan hendaklah memberikan peluang kepadanya untuk membuat representasi terhadap perintah itu dengan seberapa segera yang boleh;

(b) *tiada warganegara boleh ditahan seterusnya di bawah undang-undang atau ordinan itu melainkan jika suatu lembaga penasihat yang ditubuhkan sebagaimana yang disebut dalam Fasal (2) telah menimbang apa-apa representasi yang dibuat oleh warganegara itu di bawah perenggan (a) dan membuat syor mengenainya kepada Yang di-Pertuan Agong dalam masa tiga bulan setelah menerima representasi itu, atau dalam tempoh yang lebih lama yang dibenarkan oleh Yang di-Pertuan Agong.*

(2) *Sesuatu lembaga penasihat yang ditubuhkan bagi maksud Perkara ini hendaklah terdiri daripada seorang pengerusi, yang hendaklah dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong dan yang menjadi, atau pernah menjadi atau yang layak menjadi, hakim Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan atau Mahkamah Tinggi, atau yang pernah menjadi seorang hakim Mahkamah Besar sebelum Hari Malaysia, dan dua orang anggota lain yang hendaklah dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong.*

(3) *Perkara ini tidak menghendaki mana-mana pihak berkuasa mendedahkan fakta yang pendedahannya pada pendapat pihak berkuasa itu akan bertentangan dengan kepentingan negara.*

Perkara 149 dan PP disebut pada permulaan (*recital*) POCA sebagai sumber kuasa penggubalannya. Dari aspek sejarah perundangan, peruntukan asal Perkara 149(1) telah dipinda dan mula berkuat kuasa pada 31 Mei 1960 dengan kemasukan perenggan (b) hingga perenggan (e). Pindaan tersebut berkuat kuasa dua bulan lebih awal sebelum darurat yang bermula di Perak dan Johor pada 17 Jun 1948 diisytiharkan tamat pada 31 Julai 1960 oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Sultan Hisamuddin Alam Shah Al-Haj Ibni Almarhum Sultan Alaeidin Sulaiman Shah.

Seterusnya, berlaku lagi pindaan terhadap perenggan (e) dan tambahan perenggan (f) yang berkuat kuasa pada 31 Disember 1978. Kemasukan lima perenggan tersebut, iaitu perenggan (b) hingga perenggan (f) yang ada pada hari ini menunjukkan niat Parlimen bahawa Perkara 149 tidak hanya terbatas untuk membendung ancaman komunis.

Kenyataan Menteri Dalam Negeri dalam Parlimen ketika membentangkan Rang Undang-Undang pindaan POCA pada tahun 2014 melalui Akta A1459 mengaitkan jenayah berat dan terancang dengan kegiatan yang melibatkan penggunaan senjata api yang berleluasa; kejadian pembunuhan melibatkan senjata api; pergaduhan antara kumpulan ahli kongsi gelap sesama mereka untuk merebut kawasan; perebutan kawasan



Parlimen merupakan institusi tertinggi yang berperanan menggubal undang-undang di negara ini.

pengedaran dadah; pengutipan wang perlindungan; sindiket pelacuran dan sindiket perjudian.

Menurut Ketua Polis Negara, Tan Sri Razarudin Husain, PDRM memerlukan POCA untuk memerangi aktiviti jenayah terancang, termasuklah sindiket judi. Menurut beliau, Akta Rumah Judi Terbuka 1953 tidak mampu untuk menumpaskan kegiatan judi haram khususnya yang beroperasi secara dalam talian. Namun begitu, kekangan yang berlaku akibat penggantungan POCA susulan keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes Nivesh Nair a/l Mohan, tidak melunturkan komitmen PDRM

untuk menangani kegiatan judi berdasarkan rekod enam bulan pertama tahun 2023 menunjukkan jumlah 11,529 serbuan dibuat di seluruh negara dengan jumlah penahanan sebanyak 14,969 orang melibatkan penganjur, pemain dan penyelia.

Mahkamah Persekutuan dalam kes Nivesh Nair a/l Mohan membatalkan Seksyen 4 dan Seksyen 15B POCA, sekali gus mengetepikan tafsiran Perkara 121(1), Seksyen 4 dan Seksyen 15B POCA dalam kes Rovin Joty dan Zaidi Kanapiah. Dalam kes tersebut, Mahkamah Persekutuan tidak membuat pemerhatian terhadap kedudukan Perkara 151 sebagai forum khas untuk mengadili sekatan terhadap tahanan pencegahan dalam Bahagian XI yang menyentuh kuasa khas menentang perbuatan subversif, keganasan terancang dan perbuatan dan jenayah yang memudaratkan orang awam dan kuasa darurat di bawah Perkara 149.

Dalam kes Rovin Joty, Mahkamah Persekutuan merumuskan bahawa doktrin struktur asas tidak boleh digunakan untuk membatalkan Seksyen 15B yang diperuntukkan dalam POCA kerana seksyen tersebut tidak menyingkirkan mahkamah daripada melaksanakan kuasa di bawah Perkara 4(1) atau Perkara 121. Bagi kes Zaidi Kanapiah pula,



PDRM memerlukan POCA untuk memerangi aktiviti jenayah terancang, termasuklah sindiket judi haram.

POCA perlu dilihat sebagai undang-undang yang digubal oleh Parlimen untuk menjelaskan maksud dan kehendak Perkara 149(1)(f) bagi menangani tindakan yang memudaratkan ketenteraman awam.

keputusan majoriti mahkamah meruskan bahawa Seksyen 4 POCA masih memperuntukkan prosedur perlu dibuat di hadapan majistret. Majistret mempunyai tugas menjalankan budi bicara secara kehakiman demi memastikan kesemua perlindungan perundangan, tatacara dan perlembagaan dipatuhi secara ketat sebelum mengeluarkan perintah reman. Tafsiran Perkara 121(1) turut dibahaskan dalam kes Zaidi Kanapiah yang jelas mengambil pendekatan yang lebih berperlembagaan berdasarkan peruntukan yang ada selepas pindaannya pada tahun 1988.

Kelangsungan POCA turut tercabar dalam kes Lei Meng apabila Mahkamah Persekutuan mentafsirkan judi dalam talian *simpliciter* tidak termasuk dalam skop POCA yang menurutnya terbatas dalam ruang lingkup Perkara 149(1)(a) dalam PP.

Tafsiran Perkara 121(1) dalam kes Nivesh Nair a/l Mohan yang membatalkan Seksyen 4 dan Seksyen 15B POCA dengan mengabaikan kesan pindaan terhadap Perkara 121(1) boleh dipersoalkan. Hal ini demikian kerana pindaan Perkara 121(1) tersebut meletakkan kuasa semakan mahkamah

adalah tertakluk pada bidang kuasa dan kuasa yang diberikan oleh Undang-undang Persekutuan, tidak lagi bersifat mutlak. Sungguhpun pemakaian peruntukan Perkara 121(1) yang sudah dimansuhkan dijadikan asas dalam kes Nivesh Nair a/l Mohan, namun dari satu sudut yang lain, tidakkah itu bertentangan dengan sumpah jawatan kehakiman di bawah Jadual Keenam untuk memelihara, melindungi dan mempertahankan PP?

Selanjutnya, tafsiran POCA yang dihadkan terhadap tindakan telah diambil atau diancam oleh mana-mana kumpulan besar orang, sama ada di dalam atau di luar Persekutuan untuk menyebabkan keganasan terancang terhadap orang atau harta, atau menyebabkan sebilangan besar warganegara takut akan keganasan itu, sedangkan judi haram tersenarai dalam Jadual Pertama POCA adalah bersifat tidak harmoni dengan Perkara 149(1)(f).

POCA perlu dilihat sebagai undang-undang yang digubal oleh Parlimen untuk menjelaskan maksud dan kehendak Perkara 149(1)(f) bagi menangani tindakan

yang memudaratkan ketenteraman awam di dalam Persekutuan atau mana-mana bahagiannya, atau yang memudaratkan keselamatannya sela dengan pertimbangan yang diberi dalam kes Zaidi Kanapiah.

Kegiatan judi dalam talian seperti Facebook, WhatsApp, WeChat dan Telegram, serta aplikasi *Virtual Private Network* menjadi penghalang untuk membanteras judi dalam talian. Sesiapa sahaja yang mempunyai telefon pintar boleh berjudi tanpa bergantung pada talian tetap dan tidak lagi perlu menyewa premis. Transaksi tambah nilai wang judi bol dilakukan secara perbankan dalam talian ataupun mesin teler automatik (ATM), selain kedai tambah nilai yang berselindung di sebalik pelbagai perniagaan. Mereka yang terlibat dalam judi dalam talian menukarkan nombor telefon yang digunakan dari semasa ke semasa untuk mengelak diri daripada dikesan.

Meskipun kerjasama turut diberi oleh Kementerian Komunikasi dan Digital Malaysia untuk menyekat laman sesawang perjudian, tetapi operator judi dalam talian akan membuka laman sesawang baharu menyebabkan pih



Antara barang yang dirampas oleh PDRM dalam kes sindiket judi dalam talian.

PDRM perlu melakukan beberapa langkah ke hadapan untuk menjejaki dan menumpas kegiatan mereka yang terlibat. Kecanggihan teknologi tersebut menyebabkan kesukaran dalam pembuktian jenayah tersebut.

Kegiatan tersebut berkembang pantas tanpa mengira status, usia dan taraf hidup dan ramai yang terjebak dengan Ah Long, iaitu pemberi pinjaman wang tanpa lesen. Malah, mengikut maklumat yang diperolehi dari Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM), ada juga yang berhutang dengan Ah Long untuk berjudi secara dalam talian. Sumber PPIM menunjukkan bahawa kebanyakan penjawat awam turut terlibat dengan kes Ah Long akibat kalah judi. Keberhutangan dengan Ah Long mengakibatkan banyak kes ugutan, peras ugut dan gangguan sehingga ada kes cubaan bunuh diri dan bunuh diri. Di samping itu, terdapat kes penceraian, keganasan rumah tangga, rasuah, kemurungan, buang kerja, pengambilan dadah dan penipuan.

Pelibatan penjawat awam dengan Ah Long perlu diawasi dengan serius, khususnya mereka yang terlibat dengan agensi keselamatan negara. Rahsia kerajaan boleh terlepas ke pihak yang tidak berkenaan sekiranya diperas ugut oleh Ah Long. Ancaman sedemikian tidak dilihat mustahil kerana terdapat kejadian

peminjam terpaksa menyerahkan gambar bogel sendiri untuk melunaskan bunga. Data PPIM pada tahun 2022 menunjukkan sebanyak 9563 aduan. Sehingga Oktober 2023, terdapat 4302 aduan yang berkaitan dengan Ah Long yang sebahagiannya berpunca daripada kes perjudian.

Sindiket judi dalam talian menurut SAC Abdul Rahman Atan, Ketua Urus Setia (Perundangan) Ketua Polis Negara turut mempunyai rantaian dengan sindiket judi konvensional dan Ah Long serta aktiviti jenayah lain seperti dadah, pelacuran dan penyeludupan manusia.

PDRM memerlukan POCA untuk membanteras sindiket judi hingga ke akar umbi, sekali gus melumpuhkan organisasi jenayah terancang yang turut dibiayai daripada kegiatan tersebut. POCA juga diperlukan untuk membanteras jenayah rentas sempadan yang menggunakan teknologi digital.

Sebagai langkah segera untuk membanteras kegiatan judi dalam talian dan Ah Long, pihak PDRM disarankan supaya melindungi peminjam daripada ancaman Ah Long. Perjanjian yang ditandatangani oleh peminjam dengan Ah Long sudah pasti tidak dapat dikuatkuasakan di mahkamah kerana mereka beroperasi tanpa mempunyai lesen yang sah untuk menjalankan perniagaannya. Lantaran itu,

Ah Long menggunakan kekerasan dan penindasan untuk menjamin pulangan pelaburan haramnya. Aktivis NGO yang kebiasaannya terlibat membantu mangsa Ah Long boleh diserapkan dalam pasukan Sukarelawan Simpanan Polis.

Sindiket Ah Long pastinya dapat ditumpaskan secara bersistematik, sekiranya Ah Long tidak lagi berani memberikan pinjaman kerana berisiko tidak mendapat bayaran balik pinjaman, selain diburu oleh pihak PDRM akibat keganasan dan penindasan yang dilakukan. Langkah ini secara tidak langsung dapat memutuskan sumber kewangan kepada penagih judi dalam talian dan kegiatan jenayah terancang.

Situasi tersebut memerlukan kerajaan bertindak dengan segera untuk meminda peruntukan POCA agar teknologi digital tidak dimanfaatkan oleh sindiket untuk melindungi diri daripada ditahan dan didakwa.

Semua pihak berkepentingan perlu mengadakan perancangan bersama untuk meminda sebarang kelemahan POCA dari aspek penggubalan, pelaksanaan dan pengadilannya. Mekanisme yang memantau proses siasatan dan kesan di lapangan setelah tahanan dikenakan dapat membantu Lembaga Penasihat di bawah Perkara 151 untuk menimbang representasi yang dikemukakan dengan adil. Semakan kehakiman perlulah berlandaskan doktrin *ultra vires* di bawah Perkara 128 dan Undang-undang Persekutuan, bukannya semata-mata Perkara 121. Asas yang digunakan oleh mahkamah untuk mempertikai keabsahan mana-mana peruntukan POCA perlu diperhalusi dengan memasukkan elemen yang boleh meningkatkan tadbir urus yang baik tanpa menjejaskan matlamat pencegahan jenayah di bawah Perkara 149. Pencegahan jenayah itu sesungguhnya lebih baik daripada mengukuhkan. □

Datuk Profesor Madya Dr. Wan Ahmad Fauzi Wan Husain, ISTAC-Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Pengasas Jurisprudens Watan.